

Babak terkutuk bawah umur

HARIAN MEFRO 06/08/2018

■ Remaja mengaku kemaruk seks

MIS 19

Mohamad Fahd Rahmat
fahd@nstp.com.my

Batu Pahat

Akibat ketagih seks seorang pelajar perempuan berusia 13 tahun mengaku melayani kira-kira 10 lelaki termasuk merakam perbuatan itu sebelum diselamatkan guru kaunseling yang kemudian melaporkan kepada polis.

Ketua Polis Daerah Batu Pahat Asisten Komisioner Abdul Wahib Musa berkata, mangsa mengaku melakukan lebih 20 kali persetubuhan termasuk lebih daripada satu lelaki dalam satu masa atas suka sama suka sejak akhir 2017 di rumah datuknya, di Ayer Hitam di sini.

Beliau berkata, susulan kejadian polis melancarkan Op Remaja sejak Khamis lalu hingga semalam dan menangkap 11 suspek berusia lingkungan 13 tahun hingga 17 tahun.

“Empat pelajar ditangkap di kawasan sekolah sekitar Batu Pahat dan tujuh lagi pelajar ditangkap di rumah.

“Mangsa tinggal bersama datuk dan neneknya manakala ibu dan ayahnya serta adik-beradik lain tinggal di luar Johor. Mangsa anak sulung daripada lima beradik.

“Mangsa mengaku mengambil rakaman video ketika melakukan seks. Kali terakhir mangsa melakukan seks pada 18 Jun lalu di tandas bahagian luar rumah datuknya.

“Kali pertama melakukan hubungan seks bersama rakannya berumur 14 tahun. Kejadian berlaku di dalam bilik tidur mangsa. Rakannya turut mengambil rakaman video ketika mangsa melakukan hubungan seks,” katanya ketika dihubungi, di sini.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan oleh pakar Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI) mendapati ada kesan koyakan lama pada hymen mangsa manakala hasil ujian air kencing mengesahkan mangsa tidak mengandung.

“Jam 1.20 tengah hari 31 Julai lalu, polis menerima maklumat memaklumkan bahawa mangsa yang dibawa gurunya ke HSNI kerana disyaki dirogol.

“Pada 31 Julai lalu kira-kira 10 pagi, mangsa datang ke Klinik Kesihatan Batu Pahat bersama guru kaunseling sekolahnya untuk mendapatkan rawatan selepas membuat pengakuan melakukan hubungan seks dengan ramai orang.

“Tujuan guru kaunseling membawa mangsa ke HSNI untuk merawat masalah ketagihan seks dialami mangsa termasuk ketika Ramadan lalu di tandas tepi rumah datuknya secara bergilir-gilir,” katanya.

Empat pelajar ditangkap di kawasan sekolah Abdul Wahib Musa

